

17/04/1998

Terengganu kenal pasti laluan paip

KUALA TERENGGANU, Khamis - Kerajaan negeri menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk membina laluan paip bagi menyalurkan bekalan air kepada beberapa negeri yang menghadapi masalah sumber air.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata usaha itu akan dilakukan segera berikutan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa semua negeri perlu bekerjasama menangani krisis bekalan air.

Menurutnya, jawatankuasa berkenaan turut dipertanggungjawabkan membuat anggaran kos bagi merealisasikan usaha itu supaya pelaksanaannya nanti tidak menghadapi banyak kekangan.

Beliau berkata demikian pemberita selepas majlis penyampaian sijil dan hadiah pelajar cemerlang Maahad Tahfiz al-Quran Negeri di Padang Midin, di sini hari ini.

(END)